



កម្រោះពិនិត្យការងារប្រជាធិបតេយ្យស៊ុក្រ

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ដាសរប៊ូលាតានការា ដានសេត្រាពិភ័យ ២០៣០-២០២០

DASAR BELIA NEGARA
DAN STRATEGI
2020-2035

RAKHLAKMULIA BERTARAF DUNIA AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADIR

PERANCUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

RAKHLAKMULIA BERTARAF DUNIA AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADIR

PERANCUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

Sebuah laporan bertulis oleh *The Centre for Strategic and Policy Studies*,
Brunei Darussalam untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)

Diterbitkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Cetakan Kedua Mei 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel,
ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama
ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat
izin bertulis daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei
Darussalam.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam

Pengkatalogan Data-Dalam-Penerbitan:

ISBN 978-99917-36-02-0

Editor:

The Centre for Strategic and Policy Studies
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Reka Bentuk oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

RAKHLAKMULIA BERTARAF DUNI

AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADIR

NGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

DASAR BELIA NEGARA DAN STRATEGI 2020-2035

NGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

RAKHLAKMULIA BERTARAF DUNI

AGEN SIAGA PERU

NGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

RAKHLAKMULIA BERTARAF DUNI

AGEN SIAGA PERU



SAMBUTAN
HARI BERSAMA
2019



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRO WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-34, TAHUN 2018

Negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Para belia perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri. Mereka sepatutnya lebih terpanggil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela, mahupun syarikat-syarikat.

Para belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baru pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Merekalah yang diharapkan untuk memberikan nafas baru kepada segala usaha pembangunan dalam negara.



KATA ALU-ALUAN

MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN
BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN

Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat-Nya juga buku Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 (DBNS 2020-2035) telah dapat diterbitkan. Buku ini merupakan semakan semula dan pengemaskinian dari buku Dasar Belia Negara yang diterbitkan terdahulu pada tahun 2002. Seiring dengan perkembangan dunia kini, buku ini adalah sebuah *living document* yang telah dan akan terus disesuaikan dengan kehendak dan persekitaran semasa yang menuntut para belia negara ini bersiap siaga dalam merealisasikan matlamat negara khususnya dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Kita sedia maklum, belia merupakan harapan bangsa dan negara, pewaris kesinambungan kepemimpinan dan pencorak masa depan. Golongan ini hendaklah sentiasa diasuh, dididik dan dibimbing dengan sempurna, dengan nilai-nilai luhur yang tentunya tidak lari dengan konsep negara iaitu Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir. Pakej sebegini penting demi melahirkan belia yang berkualiti, serentak dapat dijadikan perisai yang akan dapat menangkis segala hambatan dan tantangan yang boleh saja mencabar kemampuan dan ketahanan golongan ini. Inilah antara mauduk yang termuat di dalam buku DBNS 2020-2035.

Selain itu, buku ini dirangka secara holistik dan inklusif terutama dalam menangani isu-isu kebeliaan dan dalam persediaan menghadapi gelombang revolusi yang tidak dapat dijangkakan. Beberapa strategi, inisiatif dan program yang dirancang juga turut dimuatkan bagi membentuk golongan belia yang berdaya saing, berkredibiliti, dinamik dan progresif. Inilah pendekatan *Whole of Nation* yang turut mengambilkira dan berpandukan kepada dasar dan pelan strategik di peringkat negara termasuk:

- a. Wawasan Brunei 2035
- b. Pelan Induk Ekonomi Digital 2025
- c. Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam
- d. Pelan-Pelan Tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial
- e. Pelan Strategik Manpower and Employment Council (MPEC)
- f. Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

Dalam mendukung DBNS 2020-2035 ini juga, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama agensi lain tidak akan kendur-kendur melipatgandakan usaha dengan mengataskan golongan ini dalam semua bidang. Justeru, adalah dihasratkan golongan belia wajar mengambil peluang dan seterusnya menghayati sedalam-dalamnya usaha pihak kerajaan dan wawasan yang terkandung di dalam DBNS 2020-2035.

Akhir kalam, saya berharap pembaikan yang terdapat di dalam buku ini yang dipaparkan dengan wajah dan nafas baharu memberikan suntikan semangat yang lebih tinggi kepada semua peringkat belia. Juga diharapkan buku ini akan menjadi pegangan dan rujukan utama sama ada di peringkat penggubal dasar mahupun di peringkat pelaksana dasar. Saya juga sentiasa berdoa agar usaha murni ini akan mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini dan seterusnya memastikan matlamat dasar belia mencapai objektifnya seperti yang telah dinotahkan.

MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KATA SAMBUTAN

YANG MULIA PENGIRAN MOHAMMAD AMIRRIZAL BIN PENGIRAN HAJI MAHMUD

Buku Dasar Belia Negara dan Strategik 2020-2035 (DBNS 2020-2035) merupakan dasar yang telah disemak semula dan diperbaharui daripada Dasar Belia Negara yang terdahulu. Tujuannya ialah bagi mengemas kini dan menyesuaikan dasar tersebut dengan keadaan semasa yang berubah mengikut peredaran zaman.

DBNS 2020-2035 kali ini merantangkan dengan lebih jelas wawasan belia, matlamat dasar belia, strategi dan inisiatif-inisiatif dasar yang menghuraikan mekanisme dan peta jalan dalam melaksanakan dasar tersebut. Pembaikan dasar ini juga mengambil kira banyak perkara termasuk cabaran belia di peringkat global, tuntutan sosial, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin canggih dan berleluasa. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai agensi yang memainkan peranan yang besar dalam membangun dan membentuk belia akan sentiasa memberikan kerjasama dan menyediakan platform untuk golongan ini merangka program-program yang lebih efisien dan inklusif.

Pihak kementerian juga menaruh harapan yang tinggi agar DBNS 2020-2035 ini akan menjadi pemangkin kepada kesuksesan transformasi belia di negara ini terutama dari perspektif pembangunan modal insan yang beridentitikan kebruneian. Dasar ini juga wajar dijadikan pundul dan menjadi pegangan kepada semua pemegang taruh (stake holders) termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan, masyarakat, institusi keluarga mahu pun kepada golongan individu belia itu sendiri.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan positif dalam menyediakan dasar ini. Buah fikiran yang telah dilontarkan amatlah dihargai dan semoga hasrat murni kita dalam membangunkan belia berkualiti di Negara Brunei Darussalam terlaksana dengan jayanya dan diberkati Allah Subhanahu Wa Ta'ala.



KANDUNGAN


i	KATA ALU-ALUAN
ii	KATA SAMBUTAN
12	RINGKASAN EKSEKUTIF
15	KEADAAN BELIA KITA
18	WAWASAN BELIA
20	TAKRIF BELIA
25	MATLAMAT DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA

34	STRATEGI-STRATEGI TERAS
36	INISIATIF-INISIATIF DASAR
46	LANDASAN KE HADAPAN
48	GLOSARI
51	LAMPIRAN A: ISU-ISU KONTEMPORARI YANG MEMBERI IMPAK KEPADA PEMBANGUNAN BELIA
54	LAMPIRAN B: BIDANG-BIDANG PRIORITI <i>UNITED NATIONS WORLD PROGRAMME OF ACTION FOR YOUTH</i>

RINGKASAN EKSEKUTIF

WAWASAN BELIA

Belia Berakhhlak Mulia Bertaraf Dunia dan Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan dalam Semua Pembangunan Negara Secara Inklusif.



UMUR BELIA:



PEMIMPIN BELIA

TIDAK LEBIH DARI **45** TAHUN

MENTOR BELIA

TIDAK DIKENAKAN BATAS UMUR

1 BERAKHLAK MULIA

2 BERTARAF DUNIA

3 AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADAPAN

4 PEMBANGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

4

MATLAMAT DASAR BELIA NEGARA

1

KERJASAMA SELURUH NEGARA

- 1** Menubuhkan badan kebangsaan merentas sektor yang berkuasa melaksanakan DBNS 2020-2035.

2

BUDAYA PERPADUAN

- 2** Untuk meningkatkan penghayatan dan dukungan terhadap MIB bagi memupuk patriotisme dan perpaduan nasional.

3

- 3** Semua belia termasuk belia yang mudah terdedah (kepada bahaya dll) diberi peluang yang sama dalam pendidikan, guna tenaga dan partiisipasi untuk menggalakkan pembangunan menyeluruh.

4

PENDIDIKAN, KEBOLEHAMBILAN KERJA DAN PEKERJAAN WAJAR (DECENT WORK)

6

- 6** Untuk mengenal pasti dan merancang potensi pekerjaan dan kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan untuk masa hadapan termasuk Revolusi Industri Ke-4 untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kurang penggunaan tenaga kerja.

7

- 7** Untuk mengenal pasti dan menggalakkan struktur kerja dan budaya kerja alternatif masa hadapan yang bersesuaian.

4

PEMERKASAAN BELIA

- 11** Menubuhkan mekanisme maklum balas formal antara belia dengan kerajaan.

- 12** Menggalakkan belia meningkatkan peranan kepemimpinan.

- 13** Mengembangkan aktiviti riadah, sukan, rekreasi, dan industri kreatif kebeliaan.

- 14** Menggalakkan kecemerlangan dalam kesukarelawanan, komuniti dan pencapaian-pencapaian profesional.

- 15** Mengukuhkan program pendidikan pencegahan untuk gaya hidup yang lebih sihat dan kesedaran keselamatan diri.

- 16** Menggalakkan peningkatan kerjasama dan pertukaran organisasi belia di peringkat serantau dan antarabangsa.

4 STRATEGI TERAS / 16 MUSAMMILAH DASAR

1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12

13

14

15

16

KEADAAN BELIA KITA

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Pusat Pengajian Strategik dan Polisi (CSPS) telah melaksanakan Kaji Selidik Belia Kebangsaan 2018 (KSBK 2018) yang juga meliputi Kajian Indeks Pembangunan Belia Brunei 2018 (*Youth Development Index 2018 - YDI 2018*) bagi mengetahui keadaan belia kita. Mengikut *Report of the Mid-Year Population Estimates 2018*, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, penduduk yang berumur 15 hingga 34 tahun adalah 37% daripada penduduk Negara Brunei Darussalam.

YDI 2018 mengukur tahap pembangunan belia di Negara Brunei Darussalam yang meliputi 8 bidang utama iaitu: Pembangunan Diri, Aktiviti Riadah, Kesihatan, Potensi Diri, Pengintegrasian Masyarakat, Isu-isu Sosial, Pengintegrasian Politik dan Peluang Pekerjaan. Formula YDI Komanwel telah diguna pakai untuk mengukur bidang-bidang berkenaan.

Penilaian YDI terbahagi kepada empat peringkat: Tidak Baik (0-24%), Sederhana (25-49%), Baik (50-74%) dan Sangat Baik (>75%). Matlamat adalah pencapaian klasifikasi ‘Sangat Baik’ yang menunjukkan pembangunan belia berada di tahap sangat tinggi.


PENILAIAN



Dalam YDI 2018, pembangunan belia tidak mencapai peringkat ‘Sangat Baik’ dengan purata purata 65.1% atau ‘Baik’ sahaja. Purata keseluruhan YDI mestilah mencapai tahap ‘Sangat Baik’ bagi mengejawantahannya taraf kehidupan yang tinggi.

Bidang Kesihatan dan Isu-isu Sosial mencapai tahap ‘Sangat Baik’ atau lebih 75%. Terdapat ruang untuk meningkatkan bidang Pembangunan Diri, Potensi Diri, Pengintegrasian Masyarakat dan Peluang Pekerjaan. Bidang Pengintegrasian Masyarakat, Aktiviti Riadah dan Pengintegrasian Politik memerlukan perhatian khusus memandangkan ketiga-tiga bidang ini hanya mencapai tahap di antara ‘Baik’ dengan ‘Sederhana’.

INDEKS PEMBANGUNAN BELIA (YDI 2018)



WAWASAN BELIA

BELIA BERAKHLAK MULIA
BERTARAF DUNIA DAN AGEN SIAGA
PERUBAHAN MASA HADAPAN
DALAM SEMUA PEMBANGUNAN
NEGARA SECARA INKLUSIF



Wawasan Belia adalah seiring dengan Wawasan Brunei 2035. Belia adalah aset berharga yang berperanan penting bagi kejayaan Wawasan Brunei 2035. Mereka perlu siaga memacu dan memimpin ke arah pembangunan dan kemajuan.

Strategi Teras dan Inisiatif Dasar perlu dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2025. Ini akan membolehkan kumpulan pertama belia di bawah Wawasan Belia dan Strategi Teras menjadi para pemimpin dan para penyumbang pengejawantahan Wawasan Brunei 2035.

Strategi dan inisiatif adalah bersifat dinamik. Kajian dan tinjauan semula yang terus-menerus adalah perlu demi memastikan kejituhan belia sebagai agen siaga perubahan.



TAKRIF BELIA

BELIA



UMUR
15 TAHUN

- **35** TAHUN

PEMIMPIN BELIA

TIDAK LEBIH DARI
45 TAHUN

MENTOR BELIA

TIDAK DIKENAKAN BATAS UMUR



Rasional takrif belia dalam kumpulan umur ini.

Takrif umur belia di Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan garis pandu UNESCO dan juga dalam konteks dan budaya Negara Brunei Darussalam.

UNESCO mentakrifkan BELIA seperti berikut:

"Tempoh peralihan daripada alam pergantungan kanak-kanak kepada alam mandiri dewasa dan kepekaan terhadap kesalingbergantungan (*interdependence*) sebagai ahli masyarakat.

Selalunya ditunjukkan kepada seorang yang berumur dalam lingkungan umur antara selepas meninggalkan alam persekolahan wajib dengan umur memperoleh pekerjaan pertama. Walau bagaimanapun, had umur memperoleh pekerjaan pertama ini telah meningkat disebabkan kadar pengangguran yang tinggi dan peningkatan kos membina rumah tangga mandiri (*independent household*). Ini menyebabkan lebih ramai orang muda masih bergantung kepada orang lain untuk tempoh yang lebih panjang."

Dalam konteks Negara Brunei Darusalam perlu diambil kira aspek berikut:

1. Ciri-ciri kedewasaan dan masa peralihan yang diperlukan oleh belia untuk memikul tanggungjawab sebagai ahli masyarakat yang saling bergantung.
2. Umur purata bagi aspek-aspek di atas adalah seperti berikut:

Umur 15 tahun: Pendidikan wajib berakhir mengikut Akta Pendidikan Wajib.

Umur 25 tahun: Umur purata bagi belia untuk mandiri dari segi kewangan, mula membina keluarga dan menumpukan kepada kemajuan diri dan kerjaya.

Umur 35 tahun: Umur belia matang sepenuhnya, dan mula mengasah kemahiran kepimpinan termasuk membuat keputusan dan dapat menyumbang secara aktif kepada masyarakat. Menjelang umur 35 tahun, belia sepatutnya sudah mencapai matlamat Dasar Belia Negara.

3. Telah berlaku pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat Negara dari golongan muda dan juga penurunan umur ke 30 tahun bagi kelayakan menjadi Ketua Kampung dan Penghulu.

- Import Suppliers
- Distribute hr
- Operate in environment.
- Location / environment.

- Cereal
- regular Supermarket
- Chibhood - inner
- All day breakfast
- Our own cereal (new)
- Soft service
- Cereal coin

PEMIMPIN DAN MENTOR BELIA

Pemimpin Belia adalah ketua kepada pergerakan atau persatuan belia. Pemimpin belia ini akan terlibat secara langsung dalam pengurusan operasi dan kegiatan pergerakan atau persatuan belia berkenaan. Oleh yang demikian, pemimpin belia hendaklah dipilih daripada individu yang berwawasan, berwibawa, berpengaruh, berpengalaman dan berdaya personaliti yang tinggi dan mampu memberi impak kepada setiap individu dalam sesebuah pergerakan atau persatuan belia. Had umur pemimpin belia ditetapkan sehingga 45 tahun.

Mentor Belia berperanan sebagai penasihat dan membimbing pergerakan atau persatuan belia. Sebagai penasihat, mentor belia tidak perlu terlibat dalam pengurusan operasi dan kegiatan pergerakan atau persatuan belia berkenaan. Mentor belia hendaklah yang berpengalaman, berpengetahuan, dihormati dan bijaksana dalam memberikan bimbingan kepada belia dan pemimpin belia. Oleh itu, mentor belia tidak dikenakan batas umur.

BERAKHLAKMULIA BERTARAF DUNIA AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADAPAN

PENGEMBANGAN NEGARA SECARA INKLUSIF

BERAKHLAKMULIA **MATLAMAT** **DAN PETUNJUK** **PRESTASI UTAMA**

Dasar Belia Negara mempunyai 4 matlamat utama iaitu Berakhlek Mulia; Bertaraf Dunia; Agen Siaga Perubahan Masa Hadapan dan Pembangunan Negara Secara Inklusif.

Setiap Matlamat Dasar Belia Negara adalah disukat oleh Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*). Sebahagian besar KPI hendaklah disukat dengan menggunakan pengkajian YDI Brunei.

PENGEMBANGAN NEGARA SECARA INKLUSIF

BERAKHLAKMULIA BERTARAF DUNIA AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADAPAN





1

BERAKHLAK MULIA

Belia dengan nilai-nilai luhur, keazaman, berwawasan dan menjunjung serta mengamalkan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

KPI 1: Mendapat mata tinggi dalam Indeks Nilai dan Identiti seperti yang diukur dengan YDI yang merangkumi petunjuk-petunjuk seperti:

- Taat Setia kepada Raja dan Negara;
- Berugama dan Berakhhlak Mulia;
- Berbudaya dan Bertabii Mulia (Bersifat Mulia);
- Mandiri, Cekal dan Dinamik; dan
- Harmoni dan Bersatu Padu.

2

BERTARAF DUNIA

Belia yang mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam pelbagai kejayaan seperti dalam bidang keugamaan, kemasyarakatan, kesukanan, kebudayaan dan kesenian, kesukarelaan, keusahawanan, teknologi, pendidikan dan alam sekitar.

KPI 1: Kedudukan 10 atas dalam YDI Komanwel yang merangkumi bidang-bidang (1) Pendidikan; (2) Kesihatan dan Kesejahteraan; (3) Guna Tenaga dan Peluang-Peluang Ekonomi; (4) Partisipasi Sivik dan (5) Partisipasi Politik.

KPI 2: Mata keseluruhan tinggi ($>75\%$) dalam YDI yang merangkumi bidang-bidang seperti:

- Kesejahteraan Psikologi;
- Pemikiran dan Kemahiran Siaga Masa Hadapan;
- Kesihatan dan Kesejahteraan;
- Integrasi Komuniti;
- Kegiatan Riadah;
- Jenayah, Jenayah Juvana dan Kelakuan Devian Sosial;
- Partisipasi Sivik dan Politik;
- Guna Tenaga dan Peluang-Peluang Ekonomi; dan
- Nilai dan Identiti.

KPI 3: Pengiktirafan antarabangsa dalam pelbagai bidang kejayaan termasuk bidang keugamaan, kemasyarakatan, kesukanan, kebudayaan dan kesenian, kesukarelaan, keusahawanan, teknologi, pendidikan dan alam sekitar.





3

AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HADAPAN

Belia yang siaga menghadapi cabaran alaf baru, termasuk globalisasi Revolusi Industri Ke-4 dan menyumbang dalam semua pengejawantahan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan ke hadapan.

KPI 1: Mendapat mata tinggi dalam Indeks Guna Tenaga dan Peluang-Peluang Ekonomi seperti yang diukur dengan YDI yang merangkumi petunjuk-petunjuk yang relevan dengan penyelesaian kekurangan-kekurangan yang dikenalpasti seperti kemasukan rendah belia ke institusi pendidikan tinggi dan peruntukan laluan pendidikan alternatif, keperluan menyejajarkan (*align*) keperluan dan kelayakan pekerjaan masa depan dan Revolusi Industri Ke-4 dan seterusnya.

KPI 2: Mendapat mata tinggi dalam Indeks Pemikiran dan Kemahiran Siaga Masa Hadapan seperti yang diukur dengan YDI yang merangkumi petunjuk-petunjuk yang relevan dengan kemahiran yang diperlukan dalam kehidupan bagi meningkatkan kesejahteraan belia dan peluang-peluang masa hadapan selaras dengan Matlamat 3 Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

KPI 3: Mendapat mata tinggi dalam Indeks Partisipasi Sivil dan Politik seperti yang diukur dengan YDI yang merangkumi petunjuk-petunjuk yang relevan dengan tindakan-tindakan atau kegiatan-kegiatan yang terarah untuk mempengaruhi hasil politik yang diperlukan dalam masyarakat.

4

PEMBANGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

Nilai dan cara hidup yang mewujudkan peluang saksama bagi belia dan secara inklusif untuk ikut serta dalam pembangunan sebuah negara islam yang progresif, melalui pengukuhan Maqasid Al Shari'ah.

KPI 1: Mendapat mata tinggi (>75%) dalam keseluruhan YDI dalam kalangan kumpulan-kumpulan yang terdedah kepada bahaya dalam YDI yang merangkumi bidang-bidang seperti:

- Kesejahteraan Psikologi;
- Pemikiran dan Kemahiran
- Siaga Masa Hadapan;
- Kesihatan dan Kesejahteraan;
- Integrasi Komuniti;
- Kegiatan Riadah;
- Jenayah, Jenayah Juvana dan Kelakuan;
- Devian Sosial;
- Partisipasi Sivik dan Politik;
- Guna Tenaga dan Peluang-Peluang Ekonomi; dan
- Nilai dan Identiti.

KPI 2: Kedudukan 20 teratas (ekonomi maju) dalam Indeks Pembangunan Inklusif (Bidang Inklusif) dari *World Economic Forum* yang merangkumi penilaian pendapatan keluarga median (*median household income*), kadar kemiskinan, indeks pendapatan Gini (*Gini Index*) dan indeks harta Gini.



PKBN

STRATEGI-STRATEGI TERAS

Perkara utama dalam strategi teras adalah pencapaian belia berakhhlak mulia yang terserap dalam budaya perpaduan warga Brunei yang taat setia kepada raja, negara dan ugama serta penyumbang kepada kebergantungan (*dependency*) pembangunan nasional.

Belia perlu secara menyeluruh melengkapkan diri dengan pendidikan dan latihan yang relevan dengan keperluan industri dan Revolusi Industri Ke-4 demi meningkatkan kebolehambilan kerja (*employability*) mereka.

Pemerkasaan belia juga amat mustahak agar mereka boleh mencapai potensi diri sepenuhnya. Ini bermakna belia akan menjadi individu bertaraf dunia, siaga masa hadapan dan agen perubahan negara yang aktif dan padu. Belia perlu diberi peluang untuk menerapkan ilmu serta kemahiran dengan cara sebaik mungkin sebagai penyumbang kepada pembangunan negara.



KERJASAMA SELURUH NEGARA



BUDAYA PERPADUAN

PERNYATAAN STRATEGI:

Untuk meningkatkan kerjasama dalam kerajaan, awam-swasta dan masyarakat sivil, dan membina akauntabiliti merentas sektor ekosistem bagi menyokong belia.

PERNYATAAN STRATEGI:

Untuk mengembangkan patriotisme dan menggalakkan perpaduan nasional dalam kalangan belia berteraskan nilai-nilai MIB.



PENDIDIKAN, KEBOLEHAN KERJA DAN PEKERJAAN WAJAR (DECENT WORK)

PERNYATAAN STRATEGI:

Untuk memastikan semua belia mempunyai pekerjaan yang bermakna pada masa hadapan dan mendapat akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri secara holistik.



PEMERKASAAN BELIA

PERNYATAAN STRATEGI:

Untuk membolehkan belia menyumbang sepenuhnya kepada ekonomi dan masyarakat, dan ikut serta dalam membuat keputusan.

INISIATIF-INISIATIF DASAR

Inisiatif Dasar digubal dengan mengambil kira isu-isu kritikal kontemporari yang memberikan impak kepada pembangunan belia seperti yang dikenal pasti melalui NY Survey 2018, Analisis Keperluan Belia (Needs Analysis) atau KSBK 2018 dan Imbasan Persekutuan secara meluas.

Kumpulan kerjasama pandu dan ahlinya hendaklah dikenal pasti bagi setiap inisiatif dasar dan mereka secara meluas hendaklah dipilih dari pelbagai organisasi swasta dan agensi-agensi kerajaan. Kumpulan-kumpulan ini adalah dalam kedudukan terbaik untuk melaksanakan bidang-bidang strategi.



STRATEGI TERAS 1: KERJASAMA SELURUH NEGARA



INISIATIF DASAR

1

**Menubuhkan
badan
kebangsaan
merentas sektor
yang berkuasa
melaksanakan
DBNS
2020-2035**

ISU-ISU KRITIKAL

Mewujudkan satu mekanisme yang bersesuaian untuk memacu dan melaksanakan DBNS 2020-2035 yang terdiri daripada:

- Jawatankuasa Dasar Belia Kebangsaan;
- Urus Setia Dasar Belia Kebangsaan;
- Badan Penasihat Belia Kebangsaan;
- Kumpulan Projek Strategik bagi setiap inisiatif dasar.

Inisiatif dan program belia adalah bersifat merentas sektor dan terdapat keperluan untuk meningkatkan penyelarasian di antara sektor untuk mengelakkan duplikasi dan mendapat kerjasama optimum.

Penerapan pendekatan Kerjasama Awam-Swasta (PPP) seperti Perusahaan Sosial adalah perlu untuk mengejawantahan Wawasan Belia.



STRATEGI TERAS 2: BUDAYA PERPADUAN

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p>1</p> <p>Untuk meningkatkan penghayatan dan dukungan terhadap MIB bagi memupuk patriotisme dan perpaduan nasional.</p>	<p>Untuk pembangunan negara, belia mestilah menghargai dan menjunjung falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).</p>
	<p>Pembangunan negara dan perpaduan bangsa memerlukan kerjasama dan hormat-menghormati serta kefahaman antara budaya di kalangan belia.</p>
INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p>2</p> <p>Untuk meningkatkan pengintegrasian semua belia termasuk belia yang mudah terdedah (kepada bahaya dll), dengan institusi-institusi sosial yang sedia ada (ekonomi, kerajaan, masyarakat dan amalan budaya).</p>	<p>Pengintegrasian masyarakat dalam kalangan belia mendapat skor 50% (baik sahaja). Ia boleh dipertingkatkan lagi untuk mencapai skor lebih dari 75% iaitu sangat baik (KSBK 2018).</p>
	<p>Pembangunan inklusif adalah komponen penting bagi Wawasan Belia.</p>

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
3 Semua belia termasuk belia yang mudah terdedah (kepada bahaya dll) diberi peluang yang sama dalam pendidikan, guna tenaga dan partisipasi untuk menggalakkan pembangunan menyeluruh.	Pembangunan menyeluruh merupakan bidang penting Wawasan Belia. 85% belia memilih “Untuk memastikan peluang yang sama dan menyeluruh dalam masyarakat untuk semua, termasuk belia terpinggir dan kurang bernasib baik” (KSBK 2018).
	Kekurangan peluang ditempatkan oleh 44% para belia sebagai keimbangan ketiga tertinggi dalam kehidupan (KSBK 2018).

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
4 Menggalakkan kesukarelawanan untuk meningkatkan pengintegrasian masyarakat dan semangat kekitaan dengan meluaskan peluang-peluang perkhidmatan sukarela.	Pengintegrasian masyarakat dalam kalangan belia mendapat mata 50% (Baik sahaja) yang tidak memuaskan dan boleh dipertingkatkan lagi untuk mencapai mata lebih 75% iaitu Sangat baik (KSBK 2018). Tahap kesukarelawanan adalah tidak memuaskan dengan 45% tidak aktif (KSBK 2018). Pengintegrasian masyarakat akan mengukuhkan keseluruhan pembangunan dan memastikan belia bukan sahaja ikut serta bahkan memberi sumbangan.



STRATEGI TERAS 3: PENDIDIKAN, KEBOLEHAMBILAN KERJA DAN PEKERJAAN WAJAR

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
1 Untuk mengenal pasti dan merancang potensi pekerjaan dan kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan untuk masa hadapan termasuk Revolusi Industri Ke-4 untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kurang penggunaan tenaga kerja.	Kadar pengangguran (31.7%) dan kurang penggunaan tenaga kerja (46.5%) adalah tinggi bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun.
	Terdapat keperluan untuk mengenal pasti jenis pekerjaan masa hadapan, dan kemahiran serta latihan yang berkaitan dengannya untuk mempercepatkan transformasi ke arah Revolusi Industri Ke-4 dan untuk mengurangkan ketidakpadanan pendidikan dengan pekerjaan.
	Pada masa sekarang pandangan jauh dalam bidang strategik dan penyelidikan adalah terhad dalam mengenal pasti jenis pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan untuk masa hadapan termasuk Revolusi Industri Ke-4.
	Transformasi ke arah Revolusi Industri Ke-4 memerlukan kemahiran tinggi dalam <i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i> (STEM). Hanya 36% penuntut mengikuti STEM.
	Kekurangan bimbingan kaunseling kerjaya belia dalam perancangan kerjaya masa hadapan dan peranan mereka setelah meningkat dewasa.

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p>2</p> <p>Untuk mengenal pasti dan menggalakkan struktur kerja dan budaya kerja alternatif masa hadapan yang bersesuaian.</p>	<p>Perlu merancang struktur guna tenaga transformatif dan budaya kerja untuk masa hadapan dan Revolusi Industri Ke-4, misalnya mengenai isu-isu seperti keseimbangan kerja dan kehidupan, waktu kerja yang fleksibel, matlamat berfokuskan hasil, gaji dan keadaan kerja yang wajar, automasi bekerja sendiri dan portfolio kerjaya.</p>
	<p>Kebanyakan belia (68%) memilih "Menyokong golongan belia untuk mendapatkan pekerjaan yang wajar dan bermakna" (KSBK 2018).</p>
INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p>3</p> <p>Memperluaskan laluan pendidikan tertiar dan tinggi ke kadar minimum kumpulan belia yang relevan untuk mencapai kemasukan besar-besaran dan universal.</p>	<p>Kadar kemasukan ke peringkat pendidikan tinggi yang rendah iaitu 22% (2016) .</p>
	<p>Laluan pendidikan yang tidak mencukupi bagi mereka yang kurang menyerlah di mana kadar kemasukan ke peringkat pendidikan tertiar adalah rendah iaitu 31% (2016).</p>

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p style="text-align: center;">4</p> <p>Pendidikan adalah satu proses pembelajaran sepanjang hayat bagi semua orang agar belia siaga menghadapi Revolusi Industri Ke-4.</p>	<p>Revolusi Industri Ke-4 memerlukan struktur pekerjaan, kemahiran dan pengetahuan yang baharu. Oleh yang demikian, terdapat keperluan diadakan pembelajaran sepanjang hayat, termasuk latihan yang berterusan, peningkatan kemahiran, latihan semula dan pengalaman praktikal dan penempatan kerja.</p>
	<p>Kekurangan kemahiran dan latihan siaga masa hadapan.</p>
INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p style="text-align: center;">5</p> <p>Membina persekitaran yang lebih kondusif kepada keusahawanan belia dan belia yang bekerja mandiri.</p>	<p>Keperluan perubahan mentaliti dan cara berfikir negatif para belia dan menggalakkan sikap keusahawanan dan mandiri.</p>
	<p>Terdapat jumlah signifikan iaitu 28% belia tidak mencapai mata baik dalam penunjuk keusahawanan. Di samping itu, dengan keramaian yang signifikan juga, 1/3 belia memilih untuk bekerja dalam sektor kerajaan dengan gaji/jawatan yang lebih rendah berbanding dengan gaji/jawatan yang lebih tinggi jika mereka bekerja di sektor swasta (KSBK 2018).</p>
	<p>Keperluan untuk menggalakkan sikap mandiri adalah satu objektif dasar yang dipilih oleh belia (65%).</p>



STRATEGI TERAS 4: PEMERKAASAN BELIA



INISIATIF DASAR

1

Menubuhkan mekanisme maklum balas formal antara belia dengan kerajaan.

ISU-ISU KRITIKAL

Menyediakan sistem komunikasi berkesan yang menghubungkan suara belia ke peringkat dasar.

INISIATIF DASAR

2

Menggalakkan belia meningkatkan peranan kepemimpinan.

ISU-ISU KRITIKAL

Majoriti signifikan (82%) dalam kalangan belia memilih objektif dasar "Untuk membolehkan belia menyumbang sepenuhnya kepada ekonomi dan masyarakat dan berpartisipasi dalam proses membuat keputusan" (KSBK 2018).

Walaupun terdapat peruntukan yang semakin bertambah bagi peranan kepimpinan, belia belum mengoptimumkan peluang-peluang itu dan mereka perlu lebih proaktif dan mandiri (KSBK 2018).

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
3 Mengembangkan aktiviti riadah, sukan, rekreasi, dan industri kreatif kebeliaan.	<p>Majoriti signifikan (81%) dalam kalangan belia memilih objektif dasar "Untuk meningkatkan kepelbagaiuan dan kreativiti dalam aktiviti riadah untuk belia" (KSBK 2018).</p> <p>Signifikan (39%) dalam kalangan belia tidak berpuas hati dengan aktiviti riadah dan hiburan yang tersedia. Aktiviti riadah hanya mendapat mata 'Sederhana' (KSBK 2018).</p> <p>Ramai warga Brunei termasuk golongan belia menyatakan yang mereka lebih memilih untuk bercuti di negara ini sekiranya tempat-tempat tarikan tempatan atau tawaran-tawaran rekreasi tempatan diperbaiki.</p>
4 Menggalakkan kecemerlangan dalam kesukarelawanan, komuniti dan pencapaian-pencapaian profesional.	<p>Majoriti signifikan (82%) dalam kalangan belia memilih objektif dasar "Untuk membolehkan belia menyumbang sepenuhnya kepada ekonomi dan masyarakat dan berpartisipasi dalam proses membuat keputusan" (KSBK 2018).</p> <p>Cemerlang dalam kegiatan-kegiatan kesukarelawanan, kemasyarakatan dan profesional adalah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi belia untuk diiktiraf sebagai 'Bertaraf Dunia'.</p> <p>Tahap partisipasi dalam kalangan belia dalam kerja sukarela adalah rendah 45% iaitu Tidak aktif (KSBK 2018).</p> <p>Kekurangan garis pandu dan mekanisme galakan kepada belia untuk mencapai kecemerlangan dalam kerja sukarela, kemasyarakatan dan pencapaian profesional.</p>

INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p>5</p> <p>Mengukuhkan program pendidikan pencegahan untuk gaya hidup yang lebih sihat dan kesedaran keselamatan diri.</p>	<p>Gaya hidup sihat dalam kalangan belia adalah rendah. 21% perokok, 58% jarang bersenam secara teratur, 25% jarang makan buah-buahan dan sayur-sayuran secara teratur dan 19% obes (KSBK 2018).</p>
	<p>Isu-isu keselamatan diri termasuk jenayah siber semakin menjadi masalah yang 17% belia tidak berpuas hati dengan kawalan keselamatan dan sekuriti (KSBK 2018).</p>
	<p>Belia mengalami pelbagai bentuk buli, telah dibuli dan terkena tindakan kekerasan sejumlah 22%. Walaupun jumlah ini kecil tetapi signifikan (KSBK 2018).</p>
INISIATIF DASAR	ISU-ISU KRITIKAL
<p>6</p> <p>Menggalakkan peningkatan kerjasama dan pertukaran organisasi belia di peringkat serantau dan antarabangsa.</p>	<p>Untuk menjadi belia 'Bertaraf Dunia', belia mestilah diintegrasikan ke dalam dunia global demi pertukaran ilmu dan budaya agar mereka lebih berdaya saing.</p>
	<p>Majoriti signifikan 80% belia memilih objektif dasar "Untuk memastikan golongan muda mempunyai pemahaman, akses dan partisipasi penuh dalam Masyarakat Bermaklumat Baharu" (KSBK 2018).</p>

LANDASAN KEHADAPAN

1. Penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Dasar Belia Negara dan Strategi yang bertanggungjawab memberi panduan strategik bagi pelaksanaan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 dan akauntabilitinya, didukung oleh Urus Setia Dasar Belia Negara, belanjawan dan tenaga kerja.
2. Dasar Belia Negara dan Strategi *Youth Advisory Group* turut ditubuhkan sebagai satu platform yang membolehkan penglibatan belia secara langsung dalam pemantauan dan penilaian keberkesanan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 sebagai badan yang memastikan *check and balance* dalam proses perlaksanaan pelan tindakan, *deliverables* dan KPIs dalam jangka masa panjang.



GLOSARI

- **Dasar Belia Negara dan Strategi**

Dasar Belia Negara dan Strategi adalah satu pembuktian dan penegasan praktis tentang keutamaan dan hala tuju hasrat sesebuah negara ke arah pembangunan warga muda lelaki dan perempuannya (*United Nations and Commonwealth*, 2000).

- **Indeks Pembangunan Belia**

Indeks Pembangunan Belia (YDI, Youth Development Index) adalah satu penyukatan peringkat pembangunan belia sesebuah negara bagi satu masa tertentu. Pemilihan bidang dalam YDI adalah tertakluk kepada negara dan situasi semasa di negara itu. YDI pertama di Brunei disukat pada tahun 2008 yang mengandungi lapan bidang: Pembangunan Diri, Aktiviti-Aktiviti Riadah, Nilai dan Identiti, Kesihatan, Potensi Diri, Pendedahan Multimedia, Integrasi Komuniti dan Isu-Isu Sosial. Satu YDI Global telah diusahakan oleh Komanwel pada tahun 2016 dengan memuat lima bidang yang merangkumi Pendidikan, Kesihatan dan Kesejahteraan, Guna Tenaga dan Peluang, Partisipasi Sivik dan Partisipasi Politik. YDI ketiga bagi Brunei telah dilaksanakan oleh ASEAN dalam tahun 2017 dengan empat bidang iaitu Pendidikan, Kesihatan dan Kesejahteraan, Guna Tenaga dan Peluang, Partisipasi dan Pengambilan. YDI keempat bagi Brunei telah disusun oleh *Centre for Strategic and Policy Studies* (CSPS) pada tahun 2018 (KSBK 2018) yang didasari oleh lapan bidang iaitu Pembangunan Diri, Aktiviti-Aktiviti Riadah, Kesihatan, Potensi Diri, Integrasi Komuniti, Isu-Isu Sosial, Peluang Guna Tenaga dan Integrasi Politik.

- **Inisiatif Dasar**

Satu inisiatif / program di bawah strategi teras yang akan dilaksanakan untuk mencapai Matlamat-Matlamat Dasar (Haines, 2007).

- **Integrasi Komuniti**

Integrasi Komuniti (Integrasi Sosial) adalah merujuk kepada aras integrasi di antara individu dengan institusi-institusi sosial utama.

- **Inklusif**

Ini adalah proses pemasukan sosial (*process of social inclusion*) yang bermatlamat untuk memperbaiki syarat-syarat para individu dan kumpulan mengambil bahagian dalam masyarakat dan proses pemberaan terhadap keupayaan, peluang dan harga diri golongan terpinggir / tersisih berdasarkan identiti mereka untuk mengambil bahagian dalam masyarakat (*World Bank*, 2019). Golongan terpinggir / tersisih termasuk juga golongan mudah terdedah kepada bahaya.

- **Institusi Sosial**

Institusi sosial merujuk kepada mekanisme tatasosial yang mengawal tingkah laku sekumpulan individu dalam sesebuah komuniti. Institusi sosial merangkumi keluarga, ugama, pendidikan, ekonomi, sistem perundangan, kerajaan dan media massa.

- **Kesukarelaan**

Pada umumnya, kesukarelaan atau perihal sukarela adalah dianggap sebagai kegiatan bertimbang rasa di mana seorang individu atau kumpulan individu menghulurkan khidmat tanpa mengharapkan imbalan "cuma untuk faedah orang, kumpulan atau organisasi yang lain".

- **Kumpulan-Kumpulan Yang Terdedah kepada Bahaya**

Kumpulan yang sinonim dengan kumpulan berisiko. Seseorang belia pada umumnya dianggap terdedah kepada bahaya disebabkan oleh latar belakang yang lemah seperti penyakit, ketidakupayaan, keadaan diri lain, keadaan persekitaran dan sumber yang terhad (didefinisi semula daripada UNESCO 2005).

- **Melayu Islam Beraja**

Falsafah negara yang diserapkan dalam pentadbiran negara dan diamalkan oleh rakyat dan penduduk dalam setiap kegiatan penghidupan saban hari. Lima nilai teras bagi orang-orang Brunei: (1) Taat Setia kepada Raja dan Negara; (2) Berugama dan Berakhhlak Mulia; (3) Berbudaya dan Bersifat Mulia; (4) Mandiri, Cekal, dan Dinamik; (5) Harmoni dan Bersatu Padu. Nilai-nilai teras ini terdapat dalam MIB.

- **Matlamat-Matlamat Dasar**

Pengukuran yang dapat dinyatakan kuantitinya bagi hasilan-hasilan yang dihasratkan daripada sesuatu dasar (Haines, 2007).

- **Maqasid Al Syari'ah**

Maqasid (objektif-objektif) Al Syari'ah adalah objektif-objektif yang perlu dicapai bagi menjaga atau memelihara hak asasi yang diperlukan oleh semua orang, iaitu: (1) Menjaga atau memelihara ugama, (2) Nyawa, (3) Akal, (4) Keturunan dan (5) Harta.

- **Pengejawantahan**

Penjelmaan (perwujudan, pelaksanaan, manifestasi) suatu posisi, kondisi, sikap, pendirian dan lain-lain.

- **Partisipasi Politik**

Penglibatan belia dalam semua peringkat proses perancangan dan membuat keputusan dalam sektor awam dan swasta.

- **Pihak Berkepentingan**

Mana-mana kumpulan atau individu yang memberi kesan atau terkena kesan oleh pelan strategi organisasi.

- **Pendidikan Tertiari**

Satu peringkat pendidikan sesudah tamat pendidikan menengah yang disediakan oleh sekolah perdagangan, kolej dan universiti bermula pada peringkat bukan-ijazah melalui mahasiswa, siswazah dan program-program vokasional yang berkesudahan dengan penerimaan sijil, diploma atau ijazah akademik (*World Bank, 2017*). Ia merangkumi kedua-dua pendidikan lanjutan (peringkat bukan-ijazah) dan pendidikan tinggi (peringkat ijazah).

- **Pendidikan Tinggi**

Peringkat pendidikan yang setara dengan atau di atas peringkat 5 seperti yang ditakrifkan oleh *Brunei Darussalam Qualifications Framework (BDQF)*, biasanya bermula daripada peringkat ijazah mahasiswa.

- **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)**

Dalam laporan ini, istilah Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators – KPI*) digunakan bertukar ganti dengan istilah Ukuran Kejayaan Utama (*Key Success Measures – KSM*). Lihat takrifan Ukuran Kejayaan Utama.

- **Revolusi Industri Ke-4**

Revolusi Industri Ke-4 memerihalkan perubahan-perubahan pesat cara kita hidup, bekerja dan berhubung antara satu sama lain disebabkan pengambilan sistem-sistem siber-fizik, *Internet of Things* dan *Internet of Systems*. Sewaktu kita menggunakan teknologi pintar di kilang-kilang dan tempat kerja, mesin-mesin yang berkaitan sesamanya akan saling bertindak dengan membayangkan seluruh rangkaian penghasilan dan bertindak membuat keputusan sendiri (Schweb, 2017).

- **STEM**

Singkatan yang menggabungkan disiplin-disiplin *Science, Technology, Engineering* dan *Mathematics*.

- **Strategi**

Kaedah pencapaian Wawasan Unggul Masa Depan bagi pertubuhan (Haines, 2007).

- **Ukuran Kejayaan Utama**

Ukuran Kejayaan Utama (atau matlamat) adalah hasil ukuran yang dapat dinyatakan kuantitinya bagi wawasan, misi dan nilai sesebuah organisasi berdasarkan pengukuran setahun ke setahun bagi memastikan perbaikan berterusan ke arah pencapaian Wawasan Unggul (*Ideal*) Masa Depan (Haines, 2007).

- **Wawasan**

Kesudahan atau hasil yang diinginkan daripada sebuah organisasi yang berubah menjadi fokus-pelanggan dan pembelajaran prestasi-tinggi (Haines, 2007).

Lampiran A:

Isu-isu Kontemporari yang Memberi Impak kepada Pembangunan Belia.

1. Indeks Pembangunan Belia (YDI) 2018

BIDANG	MATA	KLASIFIKASI
Pembangunan Diri	64.1	Baik
Potensi Diri	69.5	Baik
Kesihatan	85.7	Sangat Baik
Pengintegrasian Masyarakat	50.4	Baik
Aktiviti Riadah	48.9	Sederhana
Isu Sosial	87.9	Sangat Baik
Pengintegrasian Politik	49.8	Sederhana
Peluang Pekerjaan	64.6	Baik
Mata Purata YDI	65.1	Baik

Penilaian YDI terbahagi kepada empat peringkat: Tidak Baik (0-24%), Sederhana (25-49%), Baik (50-74%) dan Sangat Baik (>75%). Matlamat adalah pencapaian klasifikasi ‘Sangat Baik’ yang menunjukkan pembangunan belia berada di tahap yang sangat tinggi.

Dalam YDI 2018, pembangunan belia tidak mencapai peringkat ‘Sangat Baik’ dengan mata purata 65.1% atau ‘Baik’ sahaja. Purata keseluruhan YDI mestilah mencapai tahap ‘Sangat Baik’ bagi mengejawantahan taraf kehidupan yang tinggi.

Bidang Kesihatan dan Isu-isu Sosial mencapai tahap ‘Sangat Baik’ atau lebih 75%. Terdapat ruang untuk meningkatkan bidang Pembangunan Diri, Potensi Diri, Pengintegrasian Masyarakat dan Peluang Pekerjaan. Bidang Pengintegrasian Masyarakat, Aktiviti Riadah dan Pengintegrasian Politik memerlukan perhatian khusus memandangkan ketiga-tiga bidang ini hanya mencapai tahap di antara ‘Baik’ dengan ‘Sederhana’.

2. Objektif Dasar yang dipilih oleh Belia Kita (KSBK 2018)

BIL	BIDANG	OBJEKTIF DASAR YANG DIPILIH	PERATUS
1.	Pendidikan A	Untuk membangun budaya belia nasional yang mandiri, perkasa dan cekal.	65
2.	Pendidikan B	Untuk menegakkan Islam sebagai ugama rasmi yang integral kepada penghidupan harian dan juga memberi lebih kepelbagaiannya budaya.	80
3.	Guna Tenaga	Untuk membantu orang-orang muda mendapatkan pekerjaan yang lebih memuaskan dan guna tenaga yang bermakna.	68
4.	Kelaparan & Kemiskinan	Untuk memastikan semua belia bebas daripada kelaparan dan kemiskinan dengan menyediakan bantuan kebajikan tetapi memastikan yang mereka akhirnya berusaha menjadi mandiri.	94
5.	Kesihatan	Untuk memastikan taraf kesihatan dan kesejahteraan yang tinggi dalam kalangan belia dengan mengurangkan dan mencegah penyakit, jatuh sakit dan eksloitasi orang-orang muda.	73
6.	Alam Sekitar	Untuk menggalakkan para belia berpartisipasi aktif dalam kegiatan-kegiatan alam sekitar.	76
7.	Dadah dan Delinkuens	Untuk menggalakkan kesejahteraan dan keseluruhan keselamatan orang-orang muda melalui program-program pencegahan.	52
8.	Kegiatan-kegiatan Riadah	Untuk menggalakkan belia dalam kegiatan-kegiatan riadah yang lebih pelbagai dan kreatif.	81
9.	Wanita Muda dan Gadis	Untuk memastikan peluang-peluang sama rata dan penyertaan dalam kegiatan sosial bagi semua, termasuk belia-belia terpinggir dan kurang bernasib baik.	85

10.	Partisipasi Lengkap dan Efektif	Untuk membolehkan belia menyumbang penuh kepada ekonomi dan masyarakat dan berpartisipasi dalam membuat keputusan.	82
11.	Globalisasi	Untuk mengembangkan sikap dan sifat-sifat peribadi seperti patriotisme, keyakinan dan kreativiti.	53
12.	ICT	Untuk memastikan orang-orang muda berpemahaman penuh, akses dan berpartisipasi dalam <i>New Information Society</i> .	80
13.	HIV/AIDS	Untuk memastikan orang-orang muda terdidik penuh terhadap HIV/AIDS dan rawatan sempurna terhadap HIV/AIDS.	87
14.	Hubungan Antara Generasi	Untuk memastikan orang-orang muda diberi peluang-peluang berinteraksi dengan orang-orang tua bagi merangsang perpaduan antara generasi yang lebih tertumpu kepada keadilan dan sifat timbal balik.	58

Lampiran B :

Bidang-Bidang Prioriti *United Nations World Programme Of Action For Youth (UN-WPAY)*

INISIATIF DASAR		BIDANG-BIDANG PRIORITI UNITED NATIONS WORLD PROGRAMME OF ACTION FOR YOUTH (UN-WPAY) ¹													
		Pendidikan	Guna Tenaga	Kelaparan & Kemiskinan	Kesihatan	Alam Sekitar	Penyalahgunaan Dadah	Jenayah-jenayah Juvana	Kegiatan-Kegiatan Riauh	Wanita Muda dan Gadis	Partisipasi Lengkap & Efektif	Globalisasi	ICT	HIV/AIDS	Belia & Pencegahan Konflik
ST 1 : Kerjasama Seluruh Negara															
ID 1:	Menubuhkan Badan Kebangsaan merentas sektor yang berkuasa melaksanakan DBNS 2020 – 2035.									•					
ST 2 : Budaya Perpaduan															
ID 1:	Untuk meningkatkan penghayatan dan dukungan terhadap MIB bagi memupuk patriotisme dan perpaduan nasional.	•								•	○				
ID 2:	Meningkatkan pengintegrasian semua belia termasuk belia yang mudah terdedah (kepada bahaya dan lain-lain), dengan institusi-institusi sosial yang sedia ada (ekonomi kerajaan, masyarakat dan amalan budaya).	•		•	•		•	•	•	•		○	○	○	

¹ UN-WPAY (2019) diperolehi dari <https://www.un.org/esa/socdev/unyin/documents/wpay2010.pdt>

ID 3:	Semua belia termasuk belia yang mudah terdedah (kepada bahaya dan lain-lain), diberi peluang yang sama dalam pendidikan, guna tenaga dan partisipasi untuk menggalakkan pembangunan menyeluruh.	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	○	○
ID 4:	Menggalakkan kesukarelawanan untuk meningkatkan pengintegrasian masyarakat dan semangat kekitaan dengan meluaskan peluang-peluang perkhidmatan sukarela.		●			○						○					○

ST 3 : Pendidikan, Kebolehambilan Kerja dan Pekerjaan Wajar (Decent Work)

ID 1:	Untuk mengenal pasti dan merancang potensi pekerjaan dan kemahiran serta pengetahuan yang diperlukan untuk masa depan termasuk Revolusi Industri Ke-4 untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kurang penggunaan tenaga kerja.	●	●	●								●	●				
ID 2:	Untuk mengenal pasti dan menggalakkan struktur kerja dan budaya kerja alternatif masa hadapan yang bersesuaian.		●									●	●	○			

ID 3 :	Memperluaskan laluan pendidikan tertiar dan tinggi ke kadar minimum kumpulan belia yang relevan untuk mencapai kemasukan besar-besaran tinggi dan universal.		●										
ID 4:	Pendidikan adalah satu proses pembelajaran sepanjang hayat bagi semua orang agar belia siaga menghadapi Revolusi Industri Ke-4.		●			○	○			●	●		
ID 5:	Membina persekitaran yang lebih kondusif kepada keusahawanan belia dan belia bekerja mandiri.		○	●									
ST 4 : Pemerkasaan Belia													
ID 1:	Menubuhkan mekanisme maklum balas formal antara belia dengan kerajaan.									●			
ID 2:	Menggalakkan belia meningkatkan peranan kepimpinan.									●	○		○
ID 3:	Mengembangkan aktiviti riadah, sukan, rekreasi dan industri kreatif kebeliaan.							●	●	○			
ID 4:	Menggalakkan pencapaian-pencapaian kecemerlangan dalam kesukarelawanan, komuniti dan profesional.			●		○							

ID 5:	Mengukuhkan program pendidikan pencegahan untuk gaya hidup yang lebih sihat dan kesedaran keselamatan diri.					●		●			○					●	●	○	
ID 6:	Menggalakkan peningkatan kerjasama dan pertukaran organisasi belia di peringkat serantau dan antarabangsa.											●				○		○	

- | |
|---|
| ● Kejadian kuat di antara dasar inisiatif DBNS 2020-2035 dan UN-WPAY |
| ○ Kejadian sedikit di antara dasar inisiatif DBNS 2020-2035 dan UN-WPAY |

Jadual di atas menunjukkan bagaimana inisiatif-inisiatif dasar yang dicadangkan untuk DBNS 2020-2035 mengandungi lima belas bidang prioriti yang diuraikan oleh *United Nations World Programme of Action for Youth (UN-WPAY)*. Program tindakan ini menyediakan sebuah kerangka dasar am dan garis pandu praktikal yang merangkumi 15 bidang prioriti. DBNS 2020-2035 memuat 16 inisiatif dasar. Manakala semua bidang prioriti adalah ditangani sekurang-kurangnya oleh salah satu dasar inisiatif, lebih banyak perhatian ditumpukan pada bidang-bidang yang dikenal pasti sebagai kritikal dari segi keadaan-kedaan belia Brunei dan konteks tempatan. Seperti yang didedahkan dalam Analisis Keperluan dan melalui Imbasan Persekutuan Belia dan *NY Survey 2018*: Pendidikan, Guna Tenaga dan Partisipasi adalah bidang-bidang prioriti teratas dan juga disentuh bidang-bidang Riadah, Pendapatan (Kelaparan & Kemiskinan) dan Globalisasi, walaupun pada takat kurang dititikberatkan.

PERAKHLAKMULIA BERTARAF DUNI

AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HAD

BANGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

P E N G H A R G A A N

Jabatan Perdana Menteri | Kementerian Kewangan dan Ekonomi
| Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri | Kementerian Hal
Ehwal Ugama | Kementerian Pendidikan | Kementerian Kesihatan
| Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi | Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan | Manpower Planning and
Employment Council | Jabatan Penerangan | Radio Televisyen
Brunei | Universiti Brunei Darussalam | Universiti Teknologi Brunei
| Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd | Darussalam Enterprise | BIZ
Brunei | Progresif Celullar Sdn Bhd | Bank Islam Brunei Darussalam
| Baiduri Bank Sdn Bhd dan kepada individu-individu serta
Persatuan-Persatuan, Pergerakkan Belia dan badan bukan Kerajaan.

BERTARAF DUNI
AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HAD

BANGUNAN NEGARA SECARA INKLUSIF

PERAKHLAKMULIA
BERTARAF DUNI
AGEN SIAGA PERUBAHAN MASA HAD

ISBN 978-99917-36-02-0



A standard linear barcode representing the ISBN number 978-99917-36-02-0.

9 789991 736020



Versi Inggeris